

**EMBARGO
SEHINGGA PUKUL 12.00 PM**

**TEKS UCAPAN
PEMBENTANGAN BELANJAWAN
JOHOR 2026**

“BANGSA JOHOR SEJAHTERA”

**OLEH
YANG AMAT BERTHORMAT
DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI
MENTERI BESAR JOHOR**

**DALAM
PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR**

**TARIKH
13 NOVEMBER 2025**

Bismillahir Rahmanir Rahim

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي
وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي
يَفْقَهُوا قَوْلِي

اللَّهُمَّ أَلْهِمْنِي رُشْدِي، وَأَعِزَّنِي مِنْ شَرِّ نَفْسِي

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Maju Johor.

PENDAHULUAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua, dapat kita bersama-sama hadir dalam sesi pembentangan Belanjawan Johor 2026.
2. Selawat dan salam buat Nabi junjungan, Nabi Muhammad SAW, pemimpin agung yang sentiasa menjadi teladan dan pedoman buat kita sehingga ke akhir zaman.
3. Sebelum saya meneruskan pembentangan Belanjawan, izinkan saya terlebih dahulu Merafak Sembah Menjunjung Setinggi-Tinggi Ucapan Tahniah Serta Ucap Selamat kepada **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim**, sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang bakal disambut pada 22 November ini.
4. Patik dengan penuh ta'zim memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, semoga **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong**, dan **Kebawah**

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh anakanda dan kerabat diraja sentiasa dikurniakan keberkatan usia serta dikekalkan dalam afiat dan sejahtera agar terus menaungi sekalian rakyat dan Bangsa Johor.

*Payung Mahkota Menaung Gemilang,
Menjulung Daulat Negeri Bertuah,
Raja Memimpin Bangsa Cemerlang,
Mengangkat Johor Megah Bermaruah.*

5. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada **Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor** atas segala nasihat dan bimbingan yang dicurahkan kepada patik dan kepimpinan negeri dalam menjayakan urus tadbir demi kesejahteraan Bangsa Johor.

*Pohon Meranti Berdiri Hebat,
Daunnya Rimbun Meneduhi Bumi,
Luhur Kasih Menyantuni Rakyat,
Johor Sejahtera Rakyat Harmoni.*

Yang Berhormat Datuk Speaker,

6. Pada kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Kerajaan Persekutuan atas pengumuman peruntukan sebanyak **RM 4.8 bilion** bagi perbelanjaan pembangunan **Rolling Plan Pertama (2026) di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas** untuk Negeri Johor yang merangkumi **152 projek baharu serta 435 projek sambungan**. Saya yakin projek-projek ini akan memberi impak besar kepada Bangsa Johor secara keseluruhannya. Terima kasih daun keladi - kecil tapak tangan, nyiru Johor tadahkan.
7. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Johor yang baharu,

Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, rakan-rakan Yang Berhormat EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Daerah, Datuk-Datuk Bandar, YDP-YDP, seluruh pegawai kanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Badan-Badan Berkanun serta GLC Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama erat, dedikasi dan komitmen tinggi sepanjang tahun ini. Sama-samalah kita teruskan agenda untuk membangunkan dan memajukan negeri yang kita cintai ini. Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

8. Syukur Alhamdulillah, ekonomi dan prestasi Johor Darul Ta'zim, negeri yang kita semua cintai ini berada dalam keadaan yang cukup memberangsangkan.
9. Seperti yang kita semua sedia maklum, sepanjang tempoh 3 tahun 6 bulan ini, Johor telah menarik pelaburan berjumlah **RM 218 bilion**, menghasilkan lebih **64 ribu peluang pekerjaan** dengan **kadar pengangguran** yang terus kekal rendah pada **2.3 peratus**. Pertumbuhan **KDNK 6.4%** menjadikan Johor negeri dengan pertumbuhan ekonomi tertinggi di Malaysia. Nilai **hasil jualan pertanian RM27.2 bilion** juga adalah yang tertinggi dalam negara.
10. Dari segi hasil negeri pula, kita bakal mencecah **RM2.5 bilion**, jauh melangkaui unjuran asal yang dibentangkan dalam Belanjawan Johor 2025. Lebih dari itu, kutipan zakat, hasil PBT, PKPJ dan keuntungan GLC-GLC negeri, semuanya menunjukkan peningkatan yang amat positif. Alhamdulillah, air yang dihajati, pancuran yang terbit.
11. Segala puji bagi Allah SWT, لا حول ولا قوة إلا بالله, tiada daya dan upaya kecuali dengan pertolongan dan keizinan Allah SWT. Saya amat menginsafi bahawa segala limpahan rezeki dan peningkatan hasil yang dinikmati ini merupakan anugerah dan kurniaan

dari-Nya jua. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah At-Talaq ayat ke-2 dan ke-3 yang berbunyi:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Yang bermaksud: ...”Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya”...

12. Ayat ini jelas memperingatkan kita bahawa Allah SWT akan memberikan rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hati kita dengan syarat, dengan syarat - kita bertaqwa. Persoalannya ialah apakah ciri-ciri orang yang bertaqwa?
13. Sekali lagi Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat ke-177 yang menerangkan ciri-ciri orang bertaqwa:

“Kebaikan itu bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan ke arah barat, tetapi kebaikan itu ialah (kebaikan) orang yang beriman kepada Allah, hari akhirat, para malaikat, kitab-kitab, dan nabi-nabi, dan memberikan harta yang dicintainya kepada kaum kerabat, anak yatim, orang-orang miskin, orang-orang yang dalam perjalanan (musafir), peminta sedekah, dan untuk memerdekakan hamba sahaya, yang melaksanakan solat dan menunaikan zakat, orang-orang yang menepati janji apabila berjanji, dan orang yang sabar dalam kesusahan, penderitaan, dan ketika peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Sidang Dewan yang saya hormati sekalian,

14. Sama-samalah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT agar Johor terus dilimpahkan rezeki yang melimpah ruah dari jalan yang tidak terlintas di hati, agar kita dapat terus membela mereka yang belum terbela, dan membantu mereka yang belum

dibantu. Biarlah yang hilang dicari, yang terapung digenangi, yang terbenam diselami.

15. Insya-Allah, dengan sifat-sifat taqwa, Kerajaan Negeri akan terus istiqomah dalam membantu seberapa ramai mungkin Bangsa Johor yang memerlukan. Setiap ringgit dan setiap sen hasil negeri akan dipulangkan kepada rakyat dan Bangsa Johor. Inilah semangat yang akan dizahirkan di dalam Belanjawan Johor 2026 ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

16. Bagi Belanjawan Johor 2026, sukacita saya maklumkan bahawa **unjuran hasil** negeri Johor adalah sebanyak **RM 2,550,750,000.00** (Dua Bilion Lima Ratus Lima Puluh Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Ribu Ringgit).
17. Manakala **unjuran perbelanjaan** adalah sebanyak **RM 2,546,293,000.00** (Dua Bilion Lima Ratus Empat Puluh Enam Juta Dua Ratus Sembilan Puluh Tiga Ribu Ringgit). Ini bermakna bahawa Belanjawan Johor 2026 merupakan **Belanjawan Surplus** sebanyak **RM 4,457,000.00** (Empat Juta Empat Ratus Lima Puluh Tujuh Ribu Ringgit).

Yang Berhormat Datuk Speaker,

18. Belanjawan Johor 2026 dirangka dengan iltizam dan tekad bahawa setiap inisiatif yang akan dilaksanakan adalah, tidak lain tidak bukan, untuk menjamin kebajikan dan kesejahteraan Bangsa Johor.
19. Justeru, berpaksikan tema '**Bangsa Johor Sejahtera**', belanjawan ini akan dibentangkan selaras dengan **Enam Teras Maju Johor** merangkumi **260 inisiatif**.

*Negeri Johor Penuh Santunan,
Permata Selatan Jadi Penyeri,*

*Enam Teras Nadi Pembangunan,
Maju Johor Agenda Negeri.*

*Gema Tekad Membangun Watan,
Harapan Disemai Penuh Berkat,
Maju Johor Pacu Kemajuan,
Rakyat Disantuni, Belanjawan Diangkat.*

TERAS PERTAMA: TADBIR URUS KERAJAAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

20. Bagi menjayakan Teras Pertama: **TADBIR URUS KERAJAAN**, sebanyak **35 inisiatif** akan dilaksanakan.

PEMBANGUNAN TADBIR URUS KOMUNITI

21. Inisiatif pertama, **PROGRAM JELAJAH ORANG JOHOR** melibatkan **56 DUN**, dengan peruntukan sebanyak **RM 8 juta**.
22. Inisiatif kedua, **KENAIKAN ELAUN KETUA KAMPUNG DAN BATIN ORANG ASLI** sebanyak **RM 300** sebulan bermula Januari 2026 dengan **tambahan peruntukan berjumlah RM 2.6 juta**.
23. Inisiatif ketiga, **GERAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN 73 JKJR FELDA SERTA 8 JKPP FELCRA** berjumlah **RM 810 ribu**.
24. Inisiatif keempat, **GERAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN PERSATUAN KETUA KAMPUNG** dengan peruntukan **RM 120 ribu**.
25. Inisiatif kelima, **BANTUAN CARUMAN LINDUNG KENDIRI** kepada **KETUA KAMPUNG, SETIAUSAHA JPJK** dan **KETUA MASYARAKAT** yang turut dipanjangkan kepada **BATIN ORANG ASLI** dengan peruntukan **RM 240 ribu**.

PENGUKUHAN TADBIR URUS SYIAR ISLAM

Yang Berhormat Datuk Speaker,

26. Inisiatif keenam, **PROGRAM SEMARAK SUBUH JOHOR** akan diteruskan pada tahun 2026 dengan pelaksanaannya ditambah daripada dua kali kepada tiga kali seminggu dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 2.92 juta**.

27. Inisiatif ketujuh, **KENAIKAN ELAUN GURU KAFA** sebanyak **RM 150 sebulan** melibatkan 2,150 guru dengan peruntukan **RM 5.92 juta**.
28. Inisiatif kelapan, **BANTUAN PENGURUSAN TAHFIZ SWASTA** melibatkan **167 sekolah tahfiz dan sekolah agama** dengan peruntukan berjumlah **RM 2.5 juta**.
29. Inisiatif kesembilan, **BANTUAN ONE-OFF BILIK GURU** kali ketiga yang akan memberi manfaat kepada lebih 54 ribu guru-guru di **1,780 buah sekolah termasuklah sekolah agama kerajaan, SJKC dan SJKT** dengan peruntukan berjumlah **RM 8.9 juta**.
30. Inisiatif kesepuluh, **SUMBANGAN ONE-OFF KEPADA SEMUA PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG)** dengan peruntukan **RM 2.95 juta**.

PENGUKUHAN STRUKTUR JENTERA PENTADBIRAN NEGERI

Yang Berhormat Datuk Speaker,

31. Inisiatif kesebelas, **PENUBUHAN MAJLIS AI JOHOR** yang akan berperanan untuk menjadikan Johor sebagai Hab AI dan Data Serantau pada tahun 2030.
32. Inisiatif kedua belas, **SUMBANGAN BANTUAN PEGAWAI DAERAH** dengan peruntukan sebanyak **RM 3 juta**.
33. Inisiatif ketiga belas, **PENYALURAN GERAN KESEIMBANGAN PBT** dengan peruntukan berjumlah **RM 16 juta**.
34. Inisiatif keempat belas, **KAJIAN BAGI PENGGABUNGAN FUNGSI SERTA STRUKTUR PEJABAT DAERAH DAN TANAH SERTA KENAIKAN GRED JAWATAN PEGAWAI DAERAH DAN PENTADBIR TANAH**.

35. Inisiatif kelima belas, **MENAIK TARAF UNIT-UNIT DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN KEPADA BAHAGIAN.**
36. Inisiatif keenam belas, **PENAMBAHBAIKAN PROGRAM PENEMPATAN SILANG (CROSS FERTILIZATION PROGRAM - PCF) DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT).**
37. Inisiatif ketujuh belas, untuk terus menyokong **PELAKSANAAN CUKAI PETAK BAGI HAKMILIK STRATA** yang bermula pada awal tahun ini, Kerajaan Negeri akan memberikan **rebat 10 peratus** ke atas cukai petak 2026 yang dijelaskan sebelum 31 Mei 2026.

PERKHIDMATAN DIGITAL

Yang Berhormat Datuk Speaker,

38. Inisiatif kelapan belas, **PENYEDIAAN PUSAT ADUAN BERSEPADU NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 2.65 juta.**
39. Inisiatif kesembilan belas, **PENGGANTIAN INFRASTRUKTUR PERKAKASAN SERVER SISTEM iSPEKS** dengan peruntukan **RM 6.08 juta.**
40. Inisiatif kedua puluh, **PEMBANGUNAN SISTEM HASIL TANAH JOHOR VERSI 3.0** dengan peruntukan **RM 4.25 juta.**
41. Inisiatif kedua puluh satu, **PENGUKUHAN KOMUNIKASI DIGITAL AGENDA PERUMAHAN RAKYAT** dengan peruntukan **RM 700 ribu.**
42. Inisiatif kedua puluh dua, **PENAMBAHAN 19 MODUL BAYARAN DI APLIKASI JOHORPAY** dengan peruntukan **RM 500 ribu.**
43. Inisiatif kedua puluh tiga, **PEMBANGUNAN SISTEM PERMOHONAN PERMIT MEMASUKI HUTAN SIMPAN KEKAL**

(HSK) NEGERI JOHOR SECARA DALAM TALIAN dengan peruntukan **RM 490 ribu**.

44. Inisiatif kedua puluh empat, **PERKHIDMATAN WIFI PREMIUM MAJU JOHOR** di lokasi strategik seperti hospital, terminal bas dan PPR-RSK dengan peruntukan **RM 272 ribu**.
45. Inisiatif kedua puluh lima, **PENINGKATAN TEKNOLOGI SERTA PENGGUNAAN SISTEM GIS DAN REMOTE SENSING DI TAMAN NEGARA JOHOR** dengan peruntukan **RM 820 ribu**.
46. Inisiatif kedua puluh enam, **PENGGUNAAN TEKNOLOGI DRON DAN LIDAR** bagi pemantauan operasi pengalihan bahan batuan.
47. Inisiatif kedua puluh tujuh, **KAJIAN PEMBANGUNAN SISTEM E-LCM** yang akan mempercepatkan proses permohonan pembangunan tanah.

TRANSFORMASI PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

48. Inisiatif kedua puluh lapan, **PROGRAM KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA SEPERTI OXFORD, HARVARD, MASSACHUSETTS INSTITUTE OF TECHNOLOGY (MIT) & STANFORD** dengan peruntukan **RM 10 juta**.
49. Inisiatif kedua puluh sembilan, **PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT PEGAWAI TADBIR NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta**.
50. Inisiatif ketiga puluh, **PROGRAM PENGAJIAN PASCASISWAZAH DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM MALAYSIA** dengan peruntukan **RM 2.96 juta**.

51. Inisiatif ketiga puluh satu, **PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN (UPSKILLING & RESKILLING) PENJAWAT AWAM** dengan peruntukan **RM 3 juta**.
52. Inisiatif ketiga puluh dua, **PROGRAM DIPLOMA DAN SIJIL PROFESIONAL BAGI KUMPULAN PELAKSANA** dengan peruntukan **RM 970 ribu**.

KESEJAHTERAAN PENJAWAT AWAM

Yang Berhormat Datuk Speaker,

53. Inisiatif ketiga puluh tiga, meneruskan **PROGRAM JOHOR SIHAT** dengan peruntukan sebanyak **RM 1 juta**.
54. Inisiatif ketiga puluh empat, **PROGRAM KLINIK KAUNSELING** dengan peruntukan sebanyak **RM 774 ribu**.
55. Inisiatif ketiga puluh lima, **PELAKSANAAN PROGRAM HELP: "SELUHUR KASIH SIMBIOSIS BERSAMA"** bagi menyantuni penjawat awam dan pesara yang kurang bernasib baik dengan peruntukan **RM 200 ribu**.

TERAS KEDUA: PEMBANGUNAN EKONOMI

Yang Berhormat Datuk Speaker,

56. Di bawah Teras Kedua: **PEMBANGUNAN EKONOMI**, sebanyak **53 Inisiatif** akan dilaksanakan.

MEMPERKASA MISI PELABURAN DAN MEMPERTINGKAT KERJASAMA SERANTAU

57. Inisiatif pertama, pelaksanaan **JOHOR GLOBAL INVESTMENT QUEST** bagi misi perdagangan berimpak tinggi untuk menarik pelaburan berkualiti, membuka pasaran baharu dan mengukuhkan Johor sebagai destinasi pelaburan terunggul rantau ini dengan peruntukan sebanyak **RM 5 juta**.

58. Inisiatif kedua, penganjuran **JOHOR ECONOMIC FORUM** dengan peruntukan sebanyak **RM 500 ribu**.

59. Inisiatif ketiga, **PROMOSI DAN PENJENAMAAN NEGERI JOHOR - MADE IN JOHOR** dengan peruntukan **RM500 ribu**.

60. Inisiatif keempat, pelaksanaan **INVEST JOHOR STRATEGIC BRANDING & WEBSITE ENHANCEMENT** dengan peruntukan sebanyak **RM 400 ribu**.

61. Inisiatif kelima, **ENGAGEMENT SESSION WITH INVESTORS** dengan peruntukan sebanyak **RM 100 ribu**.

62. Inisiatif keenam, **PENGANJURAN ASEAN QUANTUM SUMMIT** dengan peruntukan sebanyak **RM 100 ribu**.

63. Inisiatif ketujuh, **TRANSFORMASI DIGITAL IMFC-J** dimana pelabur boleh mengemukakan pertanyaan atau permohonan pelaburan di JS-SEZ secara atas talian.

MENYEDIAKAN TENAGA KERJA BERKEMAHIRAN DAN BERPENDAPATAN TINGGI

Yang Berhormat Datuk Speaker,

64. Inisiatif kelapan, **PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN JOHOR (PRO-MAHIR)** dengan peruntukan berjumlah **RM 3 juta**.
65. Inisiatif kesembilan, penganjuran **JTDC JOB FAIR** dengan peruntukan berjumlah **RM 1 juta**.
66. Inisiatif kesepuluh, **JTDC CONNECT** memfokus kepada promosi program pembangunan bakat dan penempatan kerja graduan oleh JTDC dengan peruntukan **RM 650 ribu**.
67. Inisiatif kesebelas, **PROGRAM GERAN PERALATAN TVET** dengan peruntukan **RM 2 juta**.
68. Inisiatif kedua belas, **PROMOSI DAN PUBLISITI JTDC** dengan peruntukan **RM 1 juta**.

MEMACU INDUSTRI PELANCONGAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

69. Inisiatif ketiga belas, **PROMOSI DAN PUBLISITI VISIT JOHOR 2026** dengan peruntukan **RM 5.55 juta**.
70. Inisiatif keempat belas, **PENGANJURAN ACARA-ACARA PELANCONGAN BERTARAF ANTARABANGSA** dengan peruntukan berjumlah **RM 6 juta**.
71. Inisiatif kelima belas, **SAMBUTAN KETIBAAN PELANCONG DI 17 PINTU MASUK NEGERI JOHOR** pada minggu pertama Januari 2026 dengan peruntukan sebanyak **RM 500 ribu**.
72. Inisiatif keenam belas, **MENAIK TARAF FASILITI TAMAN EKO RIMBA** dengan peruntukan **RM 1.75 juta**.

73. Inisiatif ketujuh belas, **MENAIK TARAF FASILITI TAMAN NEGARA** dengan peruntukan **RM 430 ribu**.
74. Inisiatif kelapan belas, **LATIHAN SUMBER MANUSIA PELANCONGAN** termasuk kursus komunikasi asas dengan peruntukan **RM 200 ribu**.
75. Inisiatif kesembilan belas, **PROGRAM SEMANGAT BANGSA JOHOR** melalui aktiviti kesenian, kebudayaan dan sosial diperingkat komuniti dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
76. Inisiatif kedua puluh, **PENGANJURAN SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
77. Inisiatif kedua puluh satu, **BANTUAN KEPADA PERTUBUHAN DAN PERSATUAN PELANCONGAN** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.

KETERJAMINAN BEKALAN MAKANAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

78. Inisiatif kedua puluh dua, **PEMBANGUNAN INDUSTRI SAWAH PADI LUAR JELAPANG** dengan peruntukan **RM 2.5 juta**.
79. Inisiatif kedua puluh tiga, **PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU MODEN** melalui kerjasama Kulim Agrofood Sdn. Bhd. dengan peruntukan **RM 5 juta**.
80. Inisiatif kedua puluh empat, **PROGRAM MEMPERKASA INDUSTRI AGROMAKANAN UTAMA** dengan peruntukan **RM 2 juta**.
81. Inisiatif kedua puluh lima, **PENUBUHAN JOHOR AGRICULTURE RESEARCH AND DEVELOPMENT CENTRE** dengan peruntukan **RM 2 juta**.

82. Inisiatif kedua puluh enam, **PENJENAMAAN DURIAN DAN NANAS JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta**.
83. Inisiatif kedua puluh tujuh, **PROGRAM MEMPERKASA PERTANIAN PINTAR & MEKANISASI PERTANIAN** dengan peruntukan **RM 1 juta**.
84. Inisiatif kedua puluh lapan, **PEMBANGUNAN INDUSTRI LADA HITAM** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
85. Inisiatif kedua puluh sembilan, **PROGRAM KARNIVAL PERTANIAN** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
86. Inisiatif ketiga puluh, **PROGRAM PENGEMBANGAN PERTANIAN & LATIHAN USAHAWAN TANI** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
87. Inisiatif ketiga puluh satu, **PROGRAM KOLABORASI AGRO MAKANAN** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.
88. Inisiatif ketiga puluh dua, **PROGRAM PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN** dengan peruntukan berjumlah **RM 1 juta**.
89. Inisiatif ketiga puluh tiga, **PROGRAM KAWALAN PENYAKIT & KESIHATAN TERNAKAN** dengan peruntukan **RM 600 ribu**.
90. Inisiatif ketiga puluh empat, **PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA, KEMAJUAN KERJAYA TERNAKAN DAN PROGRAM PEMERKASAAN INOVASI PENTERNAKAN** dengan peruntukan **RM 225 ribu**.
91. Inisiatif ketiga puluh lima, **PROGRAM PEREKAYASAAN DAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI INDUSTRI AKUAKULTUR** dengan peruntukan **RM 720 ribu**.

92. Inisiatif ketiga puluh enam, **PROGRAM KONSERVASI DAN PENGURUSAN SUMBER PERIKANAN** dengan peruntukan **RM 700 ribu**.
93. Inisiatif ketiga puluh tujuh, **PROGRAM PEMBANGUNAN ESTET KERANG-KERANGAN** dan **PROGRAM PEMERKASAAN NELAYAN DARAT** dengan peruntukan **RM 600 ribu**.
94. Inisiatif ketiga puluh lapan, **PROGRAM TRANSFORMASI INDUSTRI PENGELUARAN BENIH IKAN MARIN** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.

PEMBANGUNAN USAHAWAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

95. Inisiatif ketiga puluh sembilan, **INSENTIF KHEMAH USAHAWAN MIKRO** dengan peruntukan **RM 3 juta**.
96. Inisiatif keempat puluh, **PROGRAM PENGEMBANGAN PRODUK MEH SAPOT LOKAL** dengan peruntukan **RM 2 juta**.
97. Inisiatif keempat puluh satu, **BANTUAN BERTAPAK USAHAWAN MAJU JOHOR** sebagai modal asas seperti pemberian bantuan peralatan dengan peruntukan **RM 1.7 juta**.
98. Inisiatif keempat puluh dua, **PROGRAM DIDIK USAHAWAN BANGSA JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta**.
99. Inisiatif keempat puluh tiga, **PEMBINAAN KEMUDAHAN HUB EKONOMI BELIA DI PUSAT PERDAGANGAN PONTIAN** dengan peruntukan **RM 1.15 juta**.
100. Inisiatif keempat puluh empat, **PROGRAM YOUTH TO ENTREPRENEUR** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
101. Inisiatif keempat puluh lima, **PEMERKASAAN KOPERASI JOHOR** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.

102. Inisiatif keempat puluh enam, **PEMERKASAAN MAJLIS PEMBANGUNAN USAHAWAN** dengan peruntukan **RM 100 ribu**.

MEMPERKUKUH EKOSISTEM HALAL

Yang Berhormat Datuk Speaker,

103. Inisiatif keempat puluh tujuh, **PENSTRUKTURAN SEMULA PIJ HALAL VENTURES SDN. BHD. (PHVSB) KEPADA ENTITI BAHARU DIKENALI SEBAGAI JOHOR HALAL DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD. (JHDC)**.

104. Inisiatif keempat puluh lapan, **HALAL GREEN LANE** diperkenalkan bagi mempercepatkan proses pensijilan halal dengan sasaran tempoh kelulusan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dipendekkan kepada hanya 15 hari berbanding 30 hari tempoh semasa.

105. Inisiatif keempat puluh sembilan, **MEMPERSIJILKAN HALAL 500 USAHAWAN MUSLIM** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.

106. Inisiatif kelima puluh, **PROGRAM KURSUS PROFESIONAL EKSEKUTIF HALAL** dan **KURSUS PROFESIONAL AUDITOR HALAL** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.

107. Inisiatif kelima puluh satu, **PROGRAM INSENTIF KEPADA USAHAWAN KANTIN SEKOLAH AGAMA KERAJAAN JOHOR (SAKJ)** yang telah memperoleh pensijilan halal dengan peruntukan **RM 442 ribu**.

108. Inisiatif kelima puluh dua, **PROGRAM TVET PENGURUSAN INDUSTRI HALAL** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.

109. Inisiatif kelima puluh tiga, **PENSIJILAN HALAL PENGUSAHA MAKANAN INDUSTRI ASAS TERNAKAN (IATN)** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.

TERAS KETIGA: JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL

Yang Berhormat Datuk Speaker,

110. Kita beralih pula ke Teras Ketiga: **JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL**. Sebanyak **67 inisiatif** akan dilaksanakan di bawah teras ini.
111. Inisiatif pertama, **PROGRAM INFAQ JUMAAT JOHOR** yang diilhamkan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor. Alhamdulillah, inisiatif yang kita mulakan pada bulan Oktober yang lalu dengan peruntukan **RM 1.7 juta** telah mendapat maklum balas yang sangat positif daripada rakyat.
112. Justeru, program ini akan diperluaskan pelaksanaannya pada tahun 2026 dengan peruntukan berjumlah **RM 26.9 juta**. Pada kesempatan ini, saya juga ingin menyeru kepada seluruh Bangsa Johor sama ada pihak swasta, pertubuhan mahupun individu untuk bersama-sama menyemai semangat dan budaya berinfaq.

BANTUAN KASIH JOHOR (BKJ)

Yang Berhormat Datuk Speaker,

113. Inisiatif kedua, **BANTUAN KASIH JOHOR ATAU BKJ ANAK YATIM NEGERI JOHOR** dalam **BENTUK TUNAI DAN SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)** sebanyak **RM 2,000 seorang** yang akan memanfaatkan seramai 12,307 anak yatim dengan jumlah peruntukan **RM 24.6 juta**.
114. Inisiatif ketiga, **BKJ KIR MISKIN TEGAR DAN MISKIN** sebanyak **RM 2,000 seorang** yang akan memanfaatkan 9,714 Ketua Isi Rumah dengan peruntukan **RM 19.43 juta**.
115. Inisiatif keempat, **BKJ IBU TUNGGAL YANG BERDAFTAR DI BAWAH YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA DARUL**

TA'ZIM (YPKDT) sebanyak **RM 500 seorang** yang akan memanfaatkan **48,537 penerima** dengan peruntukan **RM 24.27 juta**.

116. Inisiatif kelima, **BKJ PEMANDU TEKSI SERTA E DAN P HAILING YANG BERDAFTAR DI NEGERI JOHOR** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan kepada **42,524 penerima** dengan peruntukan **RM 17 juta**.
117. Inisiatif keenam, **BKJ PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan **33,976 penerima** dengan peruntukan **RM 13.6 juta**.
118. Inisiatif ketujuh, **BKJ PENERIMA BANTUAN BULANAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan **28,686 penerima** dengan peruntukan **RM 11.47 juta**.
119. Inisiatif kelapan, **BKJ VETERAN ATM, PESARA DAN BEKAS POLIS SERTA PESARA MARIN** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan **25,003 penerima** dengan peruntukan **RM 10 juta**.
120. Inisiatif kesembilan, **BKJ PENERIMA BANTUAN BULANAN WARGA EMAS** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan **17,702 penerima** dengan peruntukan **RM 7.08 juta**.
121. Inisiatif kesepuluh, **BKJ PESERTA PPR DAN RSK** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan **15,000 orang KIR** dengan peruntukan **RM 6 juta**.
122. Inisiatif kesebelas, **BKJ PENGAWAL KESELAMATAN DAN PEKERJA PEMBERSIHAN SEKOLAH SERTA PEKERJA AM SWM WARGANEGARA MALAYSIA** sebanyak **RM 400 seorang**

yang akan memanfaatkan **14,992 penerima** dengan peruntukan **RM 6 juta**.

123. Inisiatif kedua belas, **BKJ PESAKIT DIALISIS** sebanyak **RM 600 seorang** yang akan memanfaatkan **8,275 penerima** dengan peruntukan **RM 4.97 juta**.
124. Inisiatif ketiga belas, **BKJ PESAKIT KANSER** sebanyak **RM 600 seorang** yang akan memanfaatkan **3,301 penerima** dengan peruntukan **RM 1.98 juta**.
125. Inisiatif keempat belas, **BKJ KIR ORANG ASLI** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan **5,041 KIR** dengan peruntukan **RM 2.02 juta**.
126. Inisiatif kelima belas, **BKJ KETUA BLOK FELDA** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan **2,548 penerima** dengan peruntukan berjumlah **RM 1.02 juta**.
127. Inisiatif keenam belas, **BKJ PELATIH PDK** sebanyak **RM 600 seorang** kepada **2,590 pelatih** dengan peruntukan **RM 1.55 juta**.
128. Inisiatif ketujuh belas, **BKJ SUKARELAWAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI JOHOR** sebanyak **RM 600 seorang** kepada **1,173 sukarelawan** dengan peruntukan **RM 704 ribu**.
129. Inisiatif kelapan belas, **BKJ PEGAWAI MASJID DAN SURAU, PENGGERAK DUN, GURU AL-QURAN, GURU TAKMIR SERTA PENYELIA AL-QURAN** sebanyak **RM 1,000 seorang** yang akan memanfaatkan **8,813 penerima** dengan peruntukan **RM 8.8 juta**.
130. Inisiatif kesembilan belas, **BKJ KETUA KAMPUNG, KETUA MASYARAKAT, BATIN DAN PENERUSI JPKOA** sebanyak **RM 1,000 seorang** yang akan memanfaatkan **873 penerima** dengan peruntukan **RM 873 ribu**.

131. Inisiatif kedua puluh, **BKJ PENGGERAK SAKINAH, WANITA DAN HOSPITAL DI BAWAH YPKDT** sebanyak **RM 1,000 seorang** dengan peruntukan **RM 87 ribu**.
132. Inisiatif kedua puluh satu, **BKJ PENGAMAL MEDIA** sebanyak **RM 1,000 seorang** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.
133. Inisiatif kedua puluh dua, **BKJ PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN JOHOR** sebanyak **RM 400 seorang** yang akan memanfaatkan **1,350 penerima** yang melibatkan pemandu pelancong dan pemandu bot dengan peruntukan **RM 540 ribu**.
134. Inisiatif kedua puluh tiga, **BKJ SOUTHERN VOLUNTEERS (SV)** sebanyak **RM 100 seorang** yang akan memanfaatkan **62,490 penerima** dengan peruntukan **RM 6.25 juta**.
135. Inisiatif kedua puluh empat, **BKJ PRA UNIVERSITI (TINGKATAN 6 & ASASI)** sebanyak **RM 200 seorang** yang akan memanfaatkan **11,000 penerima** dengan peruntukan **RM 2.31 juta**.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

136. Inisiatif kedua puluh lima, **PROGRAM ANAK ANGKAT MAKMUR JOHOR** yang diteruskan dengan peruntukan **RM 1.75 juta**.
137. Inisiatif kedua puluh enam, **JUALAN KASIH JOHOR** yang akan dilaksanakan di **366 lokasi** dengan peruntukan **RM 15.4 juta**.
138. Inisiatif kedua puluh tujuh, **BAUCAR KASIH JOHOR** melalui kerjasama Kerajaan Negeri dan Yayasan PBT dengan peruntukan **RM 14.9 juta**.
139. Inisiatif kedua puluh lapan, **DAPUR KASIH JOHOR DAN BELANJA DAPUR ASNAF** bagi membantu lebih **16,500**

keluarga dengan peruntukan **RM 9 juta**.

140. Inisiatif kedua puluh sembilan, bantuan bagi **TABUNG BENCANA NEGERI** dengan peruntukan **RM 6 juta**.

PEMBASMIAN KEMISKINAN NEGERI JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker

141. Inisiatif ketiga puluh, **BANTUAN KEWANGAN BULANAN DAN BANTUAN AM JKM** yang memanfaatkan **193 ribu penerima** dengan peruntukan **RM 24.2 juta**.

142. Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor juga akan terus melaksanakan program kebajikan ummah sebagaimana berikut;

143. Inisiatif ketiga puluh satu, **BANTUAN PERUBATAN BULANAN** kepada **7,000 orang asnaf** dengan peruntukan **RM 100.5 juta**.

144. Inisiatif ketiga puluh dua, **BANTUAN SARA HIDUP BULANAN** kepada **19,340 fakir miskin** dengan peruntukan **RM 82.8 juta**.

145. Inisiatif ketiga puluh tiga, **BANTUAN HARI RAYA** yang memanfaatkan **90,439 penerima** dengan peruntukan **RM 20 juta**.

146. Inisiatif ketiga puluh empat, **BANTUAN BENCANA ALAM** kepada **3,000 penerima** dengan peruntukan **RM 3 juta**.

147. Inisiatif ketiga puluh lima, **GEROBOK REZEKI JOHOR** melalui penyediaan barangan keperluan asas seperti beras, gula, tepung dan minyak masak di **112 masjid melibatkan 56 DUN** dengan peruntukan **RM 2.08 juta**.

148. Inisiatif ketiga puluh enam, **SKIM TAKAFUL BERKELOMPOK** yang memanfaatkan **22,600 penerima** dengan peruntukan **RM 569 ribu**.

AGENDA PERUMAHAN JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

149. Inisiatif ketiga puluh tujuh, **PROGRAM BANGSA JOHOR BAHAGIA** yang diilhamkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah dengan peruntukan **RM 12.9 juta**.
150. Inisiatif ketiga puluh lapan, sebanyak **8,915 unit RUMAH MAMPU MILIK JOHOR** akan siap dibina pada tahun 2026 dengan kerjasama PKPJ, Kerajaan Persekutuan dan pemaju.
151. Inisiatif ketiga puluh sembilan, **PERUMAHAN KASIH JOHOR, PKJ SUBSIDI BINA BAHARU** yang akan memanfaatkan **1,500 penerima** dengan peruntukan sebanyak **RM 83.7 juta**.
152. Inisiatif keempat puluh, **PKJ BINA BAHARU DAN BAIK PULIH RUMAH DAIF** dengan peruntukan sebanyak **RM 85.8 juta**.
153. Inisiatif keempat puluh satu, **PKJ PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN PPR, RSK SERTA FLAT AWAM** dengan peruntukan **RM 100 juta**.
154. Inisiatif keempat puluh dua, **PKJ WAKAF JOHOR** untuk pembangunan rumah di atas tanah wakaf dengan peruntukan **RM 18 juta**.
155. Inisiatif keempat puluh tiga, **PKJ BANTUAN SEWA RUMAH** yang akan memanfaatkan **20 ribu orang** dengan peruntukan sebanyak **RM 40 juta**.
156. Inisiatif keempat puluh empat, **PKJ BANTUAN BELI RUMAH PERTAMA** yang akan memanfaatkan **20 ribu orang** dengan peruntukan sebanyak **RM 80 juta**.

157. Inisiatif keempat puluh lima, **PKJ BANTUAN MASUK RUMAH PERTAMA** yang akan memanfaatkan **8,915 orang** dengan peruntukan sebanyak **RM 17.83 juta**.
158. Inisiatif keempat puluh enam, **PROGRAM PEMUTIHAN KELAYAKAN PENGHUNI PPR DAN RSK** bagi memastikan hanya golongan yang benar-benar layak untuk menikmati kemudahan PPR dengan kadar sewa yang rendah serta tiada lagi elemen *sublet*.

PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI WANITA

Yang Berhormat Datuk Speaker,

159. Inisiatif keempat puluh tujuh, **SINERGI YAYASAN DIRAJA JOHOR** yang melambangkan kebersamaan serta tekad di antara Kerajaan Negeri dan Yayasan-Yayasan DiRaja dalam memperkukuh kesejahteraan Bangsa Johor melibatkan **YAYASAN SULTAN IBRAHIM, YAYASAN RAJA ZARITH SOFIAH dan YAYASAN TUNKU LAKSAMANA JOHOR** dengan peruntukan **RM 4.5 juta**.
160. Inisiatif keempat puluh lapan, **MENYANTUNI MASYARAKAT TIONGHOA DAN INDIA**, sejumlah **RM 12 juta** diperuntukan kepada **YAYASAN SULTANAH FATIMAH, YAYASAN SULTANAH ROGAYAH dan NGO-NGO** lain.
161. Inisiatif keempat puluh sembilan, **BANTUAN KHAS KOMUNITI RUKUN TETANGGA (KRT)** dengan peruntukan **RM 700 ribu**.
162. Inisiatif kelima puluh, **MENAIK TARAF DAN MEMBAIK PULIH 21** premis Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti dan 3 Pusat Aktiviti Warga Emas dengan peruntukan **RM 2.29 juta**.
163. Inisiatif kelima puluh satu, **BANTUAN GERAN PENGURUSAN KEPADA PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI** dengan

peruntukan **RM 740 ribu**.

164. Inisiatif kelima puluh dua, **PROGRAM PEMULIHAN PELATIH OKU PDK** dengan peruntukan **RM 300 ribu**.
165. Inisiatif kelima puluh tiga, **MEMBINA DEWAN MAKAN DAN MENAIK TARAF RUMAH PESONA JOHOR** dengan peruntukan **RM 400 ribu**.
166. Inisiatif kelima puluh empat, **PROGRAM PEMERKASAAN SOKONGAN EKONOMI WANITA** dengan peruntukan **RM 2.5 juta**.
167. Inisiatif kelima puluh lima, **PROGRAM KEBUDAYAAN JOHOR CULTURA** dengan peruntukan **RM 250 ribu**.
168. Inisiatif kelima puluh enam, **PROGRAM LATIHAN KEPADA CHILD SUPPORT TEAM JOHOR** dengan peruntukan **RM 150 ribu**.
169. Inisiatif kelima puluh tujuh, **WCARE JOHOR (WOMAN CANCER REPRODUCTIVE AWARENESS)** dengan peruntukan **RM 100 ribu**.

KESEJAHTERAAN DAN KESIHATAN BANGSA JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

170. Inisiatif kelima puluh lapan, **MELANJUTKAN TEMPOH OPERASI KLINIK KESIHATAN TERPILIH DAN PENAMBAHAN DOKTOR LOKUM DI JABATAN KECEMASAN DI HSA DAN HSI** dengan peruntukan **RM 2.8 juta**.
171. Inisiatif kelima puluh sembilan, **PENGHANTARAN UBAT MELALUI POS** dengan peruntukan **RM 2.1 juta**.
172. Inisiatif keenam puluh, **PROGRAM BANTUAN KATIL ICU DAN SUMBANGAN AMBULANS** kepada hospital dan klinik kesihatan

yang terpilih dengan peruntukan sebanyak **RM 1.6 juta**.

173. Inisiatif keenam puluh satu, **PEMBELIAN 1 UNIT NEUROSURGERY MICROSCOPE** yang akan memanfaatkan ribuan pesakit neurosurgery di kawasan **utara Johor** dengan peruntukan sebanyak **RM 1.4 juta**.
174. Inisiatif keenam puluh dua, **PEMBELIAN TRANSPORT STRETCHER BAGI 12 HOSPITAL DI JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta**.
175. Inisiatif keenam puluh tiga, **PENDIGITALAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PRIMER DI 5 KLINIK KESIHATAN (KK) DALAM DAERAH JOHOR BAHRU** yang akan memberi manfaat kepada **980 ribu penduduk** dengan jumlah peruntukan **RM 900 ribu**.
176. Inisiatif keenam puluh empat, **BANTUAN PERALATAN KESIHATAN DAN PEMBERIAN KIT KECEMASAN** yang memanfaatkan 160 buah Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) dengan peruntukan **RM 240 ribu**.
177. Inisiatif keenam puluh lima, **PROGRAM JOHOR BEBAS DENGGI 2026** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.
178. Inisiatif keenam puluh enam, **BANTUAN PANTRI DI FASILITI HOSPITAL DAN KLINIK** dengan peruntukan **RM 3.5 juta**.
179. Inisiatif keenam puluh tujuh, **BANTUAN SARINGAN MAMMOGRAM & ULTRASOUND MELALUI KERJASAMA KPJ DAN JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 1 juta**.

TERAS KEEMPAT: KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN ASAS

Yang Berhormat Datuk Speaker,

180. Menerusi Teras Keempat: **KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN ASAS**, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **29 inisiatif**.

PENYELESAIAN ISU MTD, PEMBINAAN JALAN RAYA DAN INFRASTRUKTUR PENCAHAYAAN AWAM

181. Inisiatif pertama, **PENYELESAIAN ISU-ISU MESYUARAT TINDAKAN DUN (MTD)** bagi pelaksanaan projek-projek berskala kecil dengan peruntukan **RM 27.04 juta**.

182. Inisiatif kedua, **PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI, JALAN PBT, JALAN KAMPUNG DAN JALAN PERTANIAN** sepanjang **26,568 KM** melalui peruntukan MARRIS berjumlah **RM 655 juta**.

183. Inisiatif ketiga, **PROJEK MENAIK TARAF DAN MELEBAR JALAN-JALAN KAMPUNG** dengan peruntukan **RM 50 juta**.

184. Inisiatif keempat, **MEMBINA DAN MENAIK TARAF JALAN-JALAN UTAMA** dengan peruntukan **RM 45.19 juta**.

185. Inisiatif kelima, **MELAKSANAKAN KAJIAN AWALAN BAGI CADANGAN MENAIK TARAF DAN MEMBINA JALAN** dengan peruntukan **RM 1.15 juta**.

186. Inisiatif keenam, **MEMBINA DAN MENAIK TARAF JAMBATAN SERTA MELEBARKAN JALAN** dengan peruntukan **RM 22.76 juta**.

187. Inisiatif ketujuh, **PEMASANGAN DAN MENAIK TARAF LAMPU JALAN** dengan peruntukan **RM 16.88 juta**.

PEMERKASAAN PRASARANA PENGANGKUTAN AWAM

Yang Berhormat Datuk Speaker,

188. Inisiatif kelapan, **PERKHIDMATAN BAS MUAFAKAT JOHOR (BMJ)** dengan peruntukan **RM 31 juta**.
189. Inisiatif kesembilan, **SHUTTLE BAS JOHOR** bagi perkhidmatan bas percuma ke HSA, HSI, Zoo Johor dan SSI dengan peruntukan **RM 1.42 juta**.
190. Inisiatif kesepuluh, **MENAIK TARAF TERMINAL BAS KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG SERTA TERMINAL BAS DAN TEKSI BANDAR PENAWAR** dengan peruntukan **RM 2.6 juta**.
191. Inisiatif kesebelas, **PENDIGITALAN TERMINAL BAS AWAM PINTAR DAN PENAMBAHAN TIANG BAS DI LALUAN BMJ** dengan peruntukan **RM 895 ribu**.
192. Inisiatif kedua belas, **PROGRAM PROMOSI PENGANGKUTAN AWAM** dengan peruntukan **RM 300 ribu**.

PENGURUSAN SUMBER AIR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

193. Inisiatif ketiga belas, **MENINGKATKAN SISTEM AGIHAN DI RENGIT, BATU PAHAT DAN PENGGANTIAN PAIP UTAMA DI REDONG, SEGAMAT** dengan peruntukan **RM 44.5 juta**.
194. Inisiatif keempat belas, **PERKHIDMATAN SEWAAN STESEN TELEMETRI KUALITI AIR** dengan peruntukan **RM 1.1 juta**.
195. Inisiatif kelima belas, **SISTEM PEMANTAUAN KUALITI AIR** dengan peruntukan **RM 600 ribu**.

196. Inisiatif keenam belas, **PENYEDIAAN CATCHMENT MANAGEMENT PLAN EMPANGAN JUASEH** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
197. Inisiatif ketujuh belas, **PENYEDIAAN EMERGENCY RESPONSE PLAN BAGI EMPANGAN** dengan peruntukan **RM 850 ribu**.

PEMERKASAAN KEMUDAHAN KOMUNITI

Yang Berhormat Datuk Speaker,

198. Inisiatif kelapan belas, **PEMBANGUNAN DAN NAIK TARAF PUSAT AKTIVITI KOMUNITI** dengan peruntukan **RM 20 juta**.
199. Inisiatif kesembilan belas, **PEMBANGUNAN TAMAN INKLUSIF DI HUTAN BANDAR MUTIARA RINI** dengan peruntukan **RM 6.4 juta**.
200. Inisiatif kedua puluh, **MEMBINA SERTA MENAIK TARAF DEWAN DAN BALAI RAYA** di seluruh negeri Johor dengan peruntukan **RM 4.3 juta**.
201. Inisiatif kedua puluh satu, **MENAIK TARAF GERAI** di seluruh negeri Johor dengan peruntukan **RM 11.15 juta**.
202. Inisiatif kedua puluh dua, **MENAIK TARAF PASAR BORONG PONTIAN** dengan peruntukan **RM 2.55 juta**.

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR INSTITUSI ISLAM

Yang Berhormat Datuk Speaker,

203. Inisiatif kedua puluh tiga, **BAIK PULIH DAN NAIK TARAF SEKOLAH AGAMA KERAJAAN** dengan peruntukan **RM 9.66 juta**.
204. Inisiatif kedua puluh empat, **PEMBANGUNAN DAN PEMBUKAAN 4 TANAH PERKUBURAN BARU** di daerah Johor

Bahru dengan peruntukan **RM 19.3 juta**.

205. Inisiatif kedua puluh lima, **MENAIK TARAF TANAH PERKUBURAN** dengan peruntukan **RM 4.53 juta**.

206. Inisiatif kedua puluh enam, **PEMBINAAN 6 BUAH MASJID KARIAH NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 25.6 juta**.

207. Inisiatif kedua puluh tujuh, **MENAIK TARAF MASJID-MASJID** dengan peruntukan **RM 7.8 juta**.

208. Inisiatif kedua puluh lapan, **MENAIK TARAF RUMAH PEGAWAI, GURU-GURU AGAMA DAN KAKITANGAN JABATAN AGAMA ISLAM** dengan peruntukan **RM 1.9 juta**.

209. Inisiatif kedua puluh sembilan, **MENAIK TARAF BANGUNAN-BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH** dengan peruntukan **RM 650 ribu**.

TERAS KELIMA: KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

210. Bagi Teras Kelima: **KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR**, sebanyak 21 inisiatif akan dilaksanakan.

MENGURANGKAN RISIKO BENCANA

Yang Berhormat Datuk Speaker,

211. Inisiatif pertama, **MENAIK TARAF DAN MEMBINA BARU SISTEM PERPARITAN, LONGKANG SERTA KOLAM TADAHAN YANG MELIBATKAN KAWASAN HOTSPOT BANJIR** dengan peruntukan sebanyak **RM 22.6 juta**.

212. Inisiatif kedua, **RANCANGAN TEBATAN BANJIR** yang merangkumi kajian dan projek-projek pengurangan risiko banjir dengan peruntukan sebanyak **RM 9.6 juta**.

213. Inisiatif ketiga, **MENAIK TARAF LEMBANGAN SUNGAI** termasuk menaik taraf *log boom* dengan peruntukan sebanyak **RM 7 juta**.

214. Inisiatif keempat, pelaksanaan **KERJA-KERJA PENGAWALAN HAKISAN PANTAI** dengan peruntukan sebanyak **RM 2.55 juta**.

215. Inisiatif kelima, **MENAIK TARAF SALIRAN PERTANIAN** dengan peruntukan sebanyak **RM 3.36 juta**.

216. Inisiatif keenam, **PENGGALIAN MUARA SUNGAI** dengan peruntukan sebanyak **RM 1.65 juta**.

217. Inisiatif ketujuh, **MENAIK TARAF KOMPONEN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL DI PINTU-PINTU AIR** dengan peruntukan

sebanyak **RM 1.2 juta**.

218. Inisiatif kelapan, **PEMBINAAN DAN NAIK TARAF STESEN TELEMETRI DI PINTU AIR SUNGAI** dengan peruntukan sebanyak **RM 880 ribu**.

219. Inisiatif kesembilan, **PENGGELASAN PETA MIKROZONASI SEISMIK DI DAERAH SEGAMAT** dengan peruntukan sebanyak **RM 736 ribu**.

PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR, BIODIVERSITI DAN TAMAN NEGARA

Yang Berhormat Datuk Speaker,

220. Inisiatif kesepuluh, **PEMBANGUNAN RAJA ZARITH SOFIAH LEARNING CENTRE**. Inisiatif ini merupakan hasil kerjasama antara Johor Sustainability Centre (JSC) dan Saitama City Hall, Jepun yang bakal mewujudkan sebuah pusat pembelajaran berteraskan prinsip kelestarian dan inovasi hijau. Insya-Allah, ia akan disempurnakan pelancarannya oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung pada 24 November ini.

221. Inisiatif kesebelas, **PELAKSANAAN PROGRAM JOHOR GREEN DEAL SUMMIT** dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta**.

222. Inisiatif kedua belas, **TRANSFORMASI SUNGAI JOHOR** untuk mengatasi isu pencemaran sungai dengan peruntukan sebanyak **RM 7 juta**.

223. Inisiatif ketiga belas, **PROGRAM JOHOR BERSIH** dengan peruntukan **RM 700 ribu**.

224. Inisiatif keempat belas, **PELAKSANAAN KERJA-KERJA PENANDAAN DAN PENYELENGGARAAN SEMPADAN HUTAN**

dengan peruntukan sebanyak **RM 1.39 juta**.

225. Inisiatif kelima belas, **PEMULIHAN DAN RESTORASI HUTAN** dengan peruntukan **RM 450 ribu**.

226. Inisiatif keenam belas, **PEMBANGUNAN DATA PERSEMPADANAN TAMAN-TAMAN NEGARA JOHOR** dengan peruntukan sebanyak **RM 560 ribu**.

227. Inisiatif ketujuh belas, **PENGURUSAN HABITAT HARIMAU DI TAMAN NEGARA JOHOR ENDAU-ROMPIN** dengan peruntukan sebanyak **RM 225 ribu**.

INFRASTRUKTUR BANDAR, KEINDAHAN DAN KESELAMATAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

228. Inisiatif kelapan belas, **PENGANJURAN JOHOR SMART CITY FORUM** dengan peruntukan sebanyak **RM 1 juta**.

229. Inisiatif kesembilan belas, **TRANSFORMASI BANDARAYA JOHOR BAHRU** bagi mencorak identitinya sebagai bandaraya antarabangsa dengan peruntukan berjumlah **RM 13 juta**.

230. Inisiatif kedua puluh, **PEMASANGAN CCTV DI KAWASAN TUMPUAN UTAMA** dengan peruntukan sebanyak **RM 10.53 juta**.

231. Inisiatif kedua puluh satu, **PENYELENGGARAAN DAN NAIK TARAF LANDSKAP, PENGINDAHAN TAMAN AWAM DAN LALUAN PEJALAN KAKI** dengan peruntukan sebanyak **RM 52.25 juta**.

TERAS KEENAM: ORANG MUDA JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

232. Teras yang terakhir ialah **ORANG MUDA JOHOR** dimana sebanyak **55 inisiatif** akan dilaksanakan.

PEMERKASAAN PENDIDIKAN BANGSA JOHOR

233. Inisiatif pertama, **PROGRAM BACK TO SCHOOL - BANTUAN PAKAIAN SEKOLAH** yang memanfaatkan **189,000 orang pelajar** dalam kalangan B40 dan asnaf dengan peruntukan **RM 28.8 juta**.

234. Inisiatif kedua, **SKIM PINJAMAN PELAJARAN MAHASISWA IPT** yang memanfaatkan **2,100 mahasiswa** dari kalangan B40 dengan peruntukan **RM 18 juta**.

235. Inisiatif ketiga, **BANTUAN LAPTOP SISWA JOHOR** yang memanfaatkan **5,000 mahasiswa** dari kalangan B40 dengan peruntukan **RM 13.56 juta**.

236. Inisiatif keempat, **BANTUAN PENDAFTARAN MAHASISWA** yang memanfaatkan **10,000 mahasiswa** dari kalangan B40 dengan peruntukan **RM 9 juta**.

237. Inisiatif kelima, **BIASISWA ORANG MUDA JOHOR** bagi melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di 20 universiti terbaik di dunia dengan peruntukan **RM 4.95 juta**.

238. Inisiatif keenam, **DERMASISWA LUAR NEGARA TIMUR TENGAH** yang memanfaatkan 300 pelajar bidang pengajian Islam di Mesir dan Jordan dengan peruntukan **RM 3.81 juta**.

239. Inisiatif ketujuh, **PINJAMAN PENDIDIKAN BIDANG PERUBATAN DI LUAR NEGARA** yang memanfaatkan 100

pelajar dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi di Mesir dan Jordan dengan peruntukan **RM 3 juta**.

240. Inisiatif kelapan, **BIASISWA KENANGAN DATO' ONN** dengan peruntukan **RM 650 ribu**.
241. Inisiatif kesembilan, **INSENTIF PROGRAM PERSATUAN MAHASISWA ANAK JOHOR** dengan peruntukan **RM 700 ribu**.
242. Inisiatif kesepuluh, **BANTUAN TAMBANG PENGAJIAN PENDIDIKAN** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
243. Inisiatif kesebelas, **BANTUAN TIKET PENERBANGAN BAGI MAHASISWA IPTA DI SABAH DAN SARAWAK SERTA BAS PERCUMA BAGI MAHASISWA IPTA DI SEMENANJUNG SEMPENA MUSIM PERAYAAN** dengan peruntukan **RM 1.4 juta**.
244. Inisiatif kedua belas, **BANTUAN MAKANAN PELAJAR TUISYEN SPM 2026** yang memanfaatkan **12,000 orang** pelajar dari kalangan B40 dengan peruntukan **RM 2.52 juta**.
245. Inisiatif ketiga belas, **PROGRAM PEMANTAPAN AKADEMIK CALON SPM** dengan peruntukan **RM 2.2 juta**.
246. Inisiatif keempat belas, **TRANSFORMASI INFRASTRUKTUR SEKOLAH RINTIS BANGSA JOHOR ATAU SRBJ - FASA 2** dengan peruntukan **RM 15.72 juta**.
247. Inisiatif kelima belas, **PENGISIAN MODUL GURU & MURID SRBJ** dengan peruntukan **RM 7.06 juta**.
248. Inisiatif keenam belas, **TABIKA KEMAS BANGSA JOHOR** dengan peruntukan **RM 2 juta**.
249. Inisiatif ketujuh belas, **MENAIK TARAF JOHOR SKILLS KAMPUS PASIR GUDANG DAN KOTA TINGGI** dengan

peruntukan **RM 12.8 juta**.

250. Inisiatif kelapan belas, **TRANSFORMASI KOLEJ UNIVERSITI YPJ** dengan peruntukan **RM 4 juta**.

251. Inisiatif kesembilan belas, **BANTUAN KEPADA SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS CEREBRAL PALSY** dengan peruntukan **RM 1 juta**.

252. Inisiatif kedua puluh, **INSENTIF GALAKAN HAFAZ AL-QURAN (ISBAT)** kepada **931 huffaz** dengan peruntukan **RM 5.4 juta**.

253. Inisiatif kedua puluh satu, **BANTUAN YURAN PERSEKOLAHAN SEKOLAH AGAMA** yang memanfaatkan **20,000** orang pelajar golongan **asnaf** dengan peruntukan **RM 2 juta**.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

254. Inisiatif kedua puluh dua, **ORIENTASI KERJAYA DAN KENEGARAAN** yang memanfaatkan **30,000** pelajar tingkatan 5 tahun 2026 dengan peruntukan **RM 2 juta**.

255. Inisiatif kedua puluh tiga, **JELAJAH MAHASISWA JOHOR 2026** dengan peruntukan **RM 1.3 juta**.

256. Inisiatif kedua puluh empat, **BAZAR BUKU ANTARABANGSA JOHOR 2026** dengan peruntukan **RM 400 ribu**.

PEMERKASAAN KEPIMPINAN ORANG MUDA JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

257. Inisiatif kedua puluh lima, **MEMPERKASA PROGRAM SOUTHERN VOLUNTEERS (SV)** dengan peruntukan **RM 2.45 juta**.

258. Inisiatif kedua puluh enam, **JOHOR YOUTH LEADERSHIP** dengan peruntukan **RM 6.4 juta**.
259. Inisiatif kedua puluh tujuh, **JOHOR HERITAGE RANGER (JHR)** dengan peruntukan **RM 560 ribu**.
260. Inisiatif kedua puluh lapan, **SAMBUTAN HARI BELIA NEGERI JOHOR 2026** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
261. Inisiatif kedua puluh sembilan, **DEWAN MUDA JOHOR (DMJ)** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
262. Inisiatif ketiga puluh, **DANA PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN MAJLIS BELIA NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 300 ribu**.
263. Inisiatif ketiga puluh satu, **JOHOR STUDENT LEADERS COUNCIL (JSLC)** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.
264. Inisiatif ketiga puluh dua, **MAJLIS BELIA OKU NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 100 ribu**.

SUKAN BERPRESTASI TINGGI DAN BAKAT ATLET JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

265. Menjunjung titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor, Johor juga perlu menerajui agenda “*Sports Nation*” menjelang tahun 2030 dengan kerjasama erat antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, institusi pendidikan, persatuan sukan dan sektor korporat bagi membentuk sebuah ekosistem sukan yang inklusif, moden dan bertaraf antarabangsa.

266. Inisiatif ketiga puluh tiga, **JEWEL RISING – BOLA JARING** dengan peruntukan **RM 1 juta**.
267. Inisiatif ketiga puluh empat, **JOHOR FOR GOLD DAN LATIHAN PUSAT PARA SUKMA** sempena temasya **SUKMA 2026** dengan peruntukan **RM 7.5 juta**.
268. Inisiatif ketiga puluh lima, **PERSEDIAAN PENGANJURAN SERTA PERSIAPAN SEKRETARIAT SUKAN SEA 2027 & PARA ASEAN 2027** dengan peruntukan **RM 5.5 juta**.
269. Inisiatif ketiga puluh enam, **KARNIVAL BANGSA JOHOR** dengan peruntukan **RM 5.6 juta**.
270. Inisiatif ketiga puluh tujuh, **JOHOR SPORTS AMBASSADOR DAN JOHOR YOUTH ICON** dengan peruntukan **RM 1.69 juta**.
271. Inisiatif ketiga puluh lapan, **JDT CYCLING TEAM** dengan peruntukan **RM 1 juta**.
272. Inisiatif ketiga puluh sembilan, **PEMBANGUNAN BAKAT SUKAN BOLA KERANJANG JOHOR** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
273. Inisiatif keempat puluh, **JOHOR OPEN KABADDI** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
274. Inisiatif keempat puluh satu, **FESTIVAL SUKAN PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
275. Inisiatif keempat puluh dua, **HIMPUNAN PESILAT JOHOR** dengan peruntukan **RM 300 ribu**.
276. Inisiatif keempat puluh tiga, **PEMBANGUNAN SUKAN RAGBI** dengan peruntukan **RM 1 juta**.

277. Inisiatif keempat puluh empat, **JOHOR E-SPORTS CHAMPIONSHIP** dengan peruntukan **RM 250 ribu**.
278. Inisiatif keempat puluh lima, **JOHOR CYCLING SERIES** dengan peruntukan **RM 200 ribu**.
279. Inisiatif keempat puluh enam, **PEMBANGUNAN BAKAT TINJU** dengan peruntukan **RM 100 ribu**.
280. Inisiatif keempat puluh tujuh, **PROGRAM PERSATUAN ORANG PEKAK** dengan peruntukan **RM 100 ribu**.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INDUSTRI SUKAN JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker,

281. Inisiatif keempat puluh lapan, **JOHOR KHABIB GYM** dengan peruntukan **RM 10 juta**.
282. Inisiatif keempat puluh sembilan, **PEMBANGUNAN TUNKU MAHKOTA ISMAIL YOUTH CENTRE (TMIYC) PENGERANG** dengan peruntukan **RM 10 juta**.
283. Inisiatif kelima puluh, **TUNKU MAHKOTA ISMAIL YOUTH CENTRE (TMIYC) ACTIVATOR** dengan peruntukan **RM 500 ribu**.
284. Inisiatif kelima puluh satu, **AKADEMI BADMINTON JOHOR - LCW** dengan peruntukan **RM 5 juta**.
285. Inisiatif kelima puluh dua, **MENAIK TARAF DAN MEMBAIK PULIH FASILITI SUKAN** dengan peruntukan **RM 4 juta**.
286. Inisiatif kelima puluh tiga, **MEMBINA GELANGGANG PICKLEBALL** dengan peruntukan **RM 1 juta**.

287. Inisiatif kelima puluh empat, **PEMBANGUNAN BAKAT SUKAN PERMOTORAN KOLABORASI BERSAMA JDT RACING** dengan peruntukan **RM 1 juta**.
288. Inisiatif kelima puluh lima, **PEMBANGUNAN BAKAT SUKAN PERMOTORAN – MOTORCROSS** dengan peruntukan **RM 300 ribu**.

PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Speaker,

289. Syukur Alhamdulillah, saya sudah berada di penghujung pembentangan Belanjawan Johor 2026 yang bertemakan '**Bangsa Johor Sejahtera**'. Setiap dasar, inisiatif dan peruntukan yang diumumkan ini hanya boleh berjaya jika kita bekerjasama, berganding bahu membanting tulang dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan ini. Saya merayu dan memohon sokongan serta bantuan daripada semua pihak terutamanya mereka yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM PERSEKUTUAN

Yang Berhormat Datuk Speaker,

290. Sebagai tanda kasih dan penghargaan kepada penjawat-penjawat awam dan selari dengan semangat '*whole-of-nation approach*' yang Johor terapkan, Kerajaan Negeri ingin menzahirkan penghargaan kepada **140,185 penjawat awam Persekutuan** yang berkhidmat di Negeri Johor melalui **INSENTIF KHAS PENJAWAT AWAM PERSEKUTUAN**. Setiap penjawat awam persekutuan yang berkhidmat di negeri ini akan menerima **RM 500 seorang** dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM 70.1 juta**. Ini adalah pertama kali dalam sejarah dimana Kerajaan Negeri mengumumkan insentif khas kepada penjawat awam persekutuan.

PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM NEGERI

Yang Berhormat Datuk Speaker,

291. Tidak dilupakan juga, sebagai tanda penghargaan atas dedikasi dan usaha luar biasa penjawat awam negeri Johor, saya dengan sukacitanya mengumumkan pemberian **INSENTIF KHAS PENJAWAT AWAM NEGERI** sebanyak **2 bulan gaji** kepada

kakitangan Kerajaan Negeri Johor serta kakitangan awam Persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri Johor yang akan disalurkan pada **Disember ini**.

292. Semoga insentif ini menjadi pemangkin motivasi untuk terus meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan, melaksanakan tugas dengan penuh integriti serta memberikan yang terbaik kepada Bangsa Johor dan negeri tercinta ini.

293. Marilah kita bersatu hati, memperkukuh semangat muafakat dan melaksanakan belanjawan ini dengan penuh tanggungjawab. Saya yakin Belanjawan Johor 2026 akan menjadi titik perubahan baharu dalam usaha menjadikan Johor lebih maju, makmur, bahagia dan sejahtera. Insya-Allah.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Yang Berhormat Datuk Speaker, Saya mohon mencadangkan.